

## Remaja dikhuatiri lemas dihanyutkan arus deras

Oleh **Asrol Awang** - Mei 6, 2022 @ 7:17pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Remaja lelaki dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus sungai di Pasir Puteri, Sungai Lembing, Kuantan, hari ini. - Foto ihsan JBPM

**KUANTAN:** Seorang remaja lelaki dikhuatiri lemas, manakala tiga lagi ahli keluarganya berjaya diselamatkan selepas mereka dihanyutkan arus ketika bermandi-manda di kawasan rekreasi Pasir Puteri, Sungai Lembing, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, berkata difahamkan mangsa, Amirun Mohamad, 14, dari Taman Seri Perasing, Jabor, Terengganu, ke lokasi bersama keluarga untuk berkelah.

"Pada jam 2.15 petang, mangsa dikatakan turun mandi di sungai bersama abangnya yang berusia 17 tahun dan dua sepupu berumur 13 dan 16 tahun, kira-kira 100 meter dari khemah yang didirikan di tapak perkelahan.

"Bagaimanapun, mereka tiba-tiba dihanyutkan arus deras ke kawasan lebih dalam, sebelum abang dan dua sepupu mangsa berjaya diselamatkan oleh orang ramai yang berada di lokasi kejadian.

"Namun, mangsa dihanyutkan arus deras ke bahagian hilir sungai sebelum hilang. Usaha ahli keluarga dengan bantuan orang ramai di lokasi juga gagal menemui mangsa," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Wan Mohd Zahari, operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa diselaraskan dengan bantuan lain-lain agensi dan penduduk tempatan sekitar kawasan Sungai Lembing.

Beliau berkata, pencarian tertumpu di kawasan hilir sungai berhampiran lokasi mangsa kali terakhir dilihat.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 2.35 petang berhubung insiden berkenaan.

Susulan itu, beliau berkata, Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuantan serta BBP Pekan bergegas ke lokasi kejadian.

"Seramai 18 pegawai dan anggota terbabit dalam SAR ini, termasuk dari BBP Indera Mahkota," katanya.